

Headline	FAMA sasar jualan RM2.5 juta		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	01 Apr 2019	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	415 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,127
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,381



## FAMA sasar jualan RM2.5 juta



**KETUA** Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Ahmad Ishak (dua, kiri) melawat gerai jualan pokok petai selepas Majlis Perasmian FAMA Fest Wilayah Selatan 2019 di Dataran Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka baru-baru ini. • Foto BERNAMA

**MELAKA:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan hasil jualan produk agro makanan bernilai RM2.5 juta pada tahun ini berbanding RM1.5 juta pada 2018, menerusi platform atas talian [www.agrobazaar.com.my](http://www.agrobazaar.com.my)

Menurut Ketua Pengarah FAMA Datuk Ahmad Ishak, jumlah peniaga atau usahawan tani terlibat dengan portal itu juga meningkat kepada 6,820 orang berbanding 4,820 orang pada tahun lepas.

Pasaran atas talian adalah medium jualan yang kini mendapat sambutan kerana urusan pembelian yang lebih mudah, cepat dan penghantaran turut disediakan.

"Setakat ini, terdapat kira-kira 11,800 produk pertanian dijual menerusi agrobazaar online dan ia kini semakin dikenali serta mendapat permintaan yang tinggi terutama daripada penduduk di Lembah Klang.

"Produk yang dijual juga telah

disaring dari segi kualiti kerana kita menitikberatkan aspek itu agar pengguna mendapat barangan yang berkualiti dan berbaloi dengan harga yang dibayar," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian FAMA Fest Wilayah Selatan 2019 di Dataran Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka baru-baru ini.

Majlis berkenaan dirasmikan Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka, Datuk Mohamad Abazafree Abbas dan dihadiri oleh Pengarah FAMA Melaka, Che Samudin Hassan.

FAMA Fest yang disertai 115 usahawan dari Melaka, Johor dan Negeri Sembilan menjual 1,456 produk dan menyasarkan nilai jualan sebanyak RM1 juta sepanjang karnival selama lima hari bermula Khamis lepas.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata FAMA bercadang memperluaskan pasaran portal itu ke peringkat antarabangsa namun pelbagai aspek

perlu diteliti agar ia dapat bersaing dengan produk lain sekali gus menarik minat pengguna luar terhadap produk pertanian negara.

Pihaknya perlu memastikan pasaran tempatan dapat dikembangkan dengan menarik lebih ramai pengguna membeli produk agro makanan.

Dalam perkembangan lain, katanya barangan keperluan sepanjang Ramadan sehingga sambutan Aidilfitri dijamin mencukupi.

"FAMA sudah bersedia dari segi bekalan produk makanan seperti daging, ayam, sayuran, dan buah-buahan lebih awal. Barangan keperluan ini boleh didapati di 2,755 peruncit menerusi program Jimat Belanja Dapur Ramadan dan Aidilfitri," katanya.

Sekiranya bekalan tidak mencukupi, barangan tersebut akan diimport dan ia boleh didapati melalui Agrobazar Rakyat, MyBest Buy, Agrobazar Kedai Rakyat dan pasar tani, katanya. – Bernama